

**UCAPAN Y.A.B. TIMBALAN PERDANA MENTERI  
DALAM LAWATANNYA KE JEMPOL  
PADA 23 JULAI 1967**

---

**P**arti Perikatan sekarang sedang menghadapi 2 Pilihanraya Kecil Parlimen - kedua-duanya di Pantai Timur - Kawasan Pasir Mas Hum di Kelantan dan Raub di Pahang.

Di Raub, Perikatan yakin akan menang dengan senang sahaja dan Perikatan bercadang hendak meletakkan seorang calon yang terpelajar dan mempunyai pengalaman yang luas dalam Kerajaan dan ini adalah kerana Parti Perikatan hendak menggalakkan pemuda-pemuda yang berkelayakan untuk menjadi pemimpin-pemimpin dan juga untuk mewakili kita dalam perjuangan politik yang lebih matang lagi supaya Parti Perikatan dapat memainkan peranan dan memimpin rakyat dan negara ini sesuai dengan tuntutan masa dan kenyataan politik hari ini.

Di Pasir Mas Hulu harapan kita sangat baik sungguh pun kawasan ini adalah kubu kuat bagi Parti PAS dalam tahun 1959 dan 1964. Tetapi pengaruh PAS telah turun dan lemah semenjak tahun 1959. Dalam tahun 1959 PAS menang dengan majority lebih kurang 6,000 undi tetapi pada tahun 1964 majority itu telah jatuh kepada 4,000 undi sahaja, dan kita berharap dan yakin dengan kerjasama dan tabah hati ahli-ahli UMNO dan Perikatan di Pasir Mas Hulu. Kita akan memenangi Pilihanraya ini kerana semenjak tahun 1964 hampir 3,000 orang pengundi-pengundi baru telah didaftarkan dan kebanyakan mereka ini adalah orang-orang baru dan lebih dewasa dalam politik dan kita yakin mereka ini akan mengundi Parti Perikatan. Banyak penyokong-penyokong PAS banyak telah berpaling tadah akibat perbuatan PAS yang berdegar-degar hendak membela orang-orang Melayu tetapi telah mengkhianati bangsa Melayu di Negeri Kelantan - harapkan pagar, pagar makan padi. Perbuatan mereka ini telah diketahui oleh orang-orang Melayu di Kelantan dan ketiadaan pembangunan di negeri Kelantan telah mencelikkan mata rakyat-rakyat Kelantan. Kerajaan Pusat telah mendirikan beberapa buah masjid, dan surau di Negeri Kelantan. Tetapi sungguh pun 9 tahun Kerajaan PAS memerintah Negeri Kelantan, tak sebuah masjid pun dapat didirikannya. Adalah keazaman Kerajaan Pusat, untuk mendirikan masjid di tiap-tiap kampung khususnya dalam kawasan ini jika Perikatan menang. Pembinaan-pembinaan masjid-masjid ini boleh dijalankan dengan seberapa segera kerana Kerajaan Pusat telah mendapat persetujuan daripada D.Y.M.M. Sultan Kelantan supaya bantuan-bantuan untuk sekolah agama dan masjid-masjid dan surau-surau disalurkan melalui Majlis Ugama Islam Negeri Kelantan. D.Y.M.M. Sultan Kelantan telah memperkenankan segala permintaan rakyat boleh dibuat melalui Majlis Ugama Islam dan orang-orang yang berkehendakkan masjid-masjid di tempat-tempat mereka, silalah membuat permohonan kepada saya, atau UMNO Kelantan, atau kepada Majlis Ugama Islam Negeri Kelantan. Kerajaan PAS tidak mampu berbuat demikian kerana mereka tidak mempunyai kewangan. Semenjak

Kerajaan PAS menggadaikan tanah kepada sebuah Company Cina di Singapura pada tahun 1964, dengan bantahan Pejabat Hutan - mereka telah menggadaikan hampir 375,000 ekar tanah yang paling subur di Negeri Kelantan. Kita ingat selepas penggadaian itu Kerajaan PAS tidak akan berbuat apa-apa lagi. Tetapi malangnya, semenjak itu Kerajaan PAS telah memberi berpuluh-puluh ribu ekar tanah hutan Kelantan yang baik kepada Company-company Cina dari Kuala Lumpur, Petaling Jaya dan Kluang, Johor. Untuk menutup mulut orang-orang Melayu Kelantan, menerusi Wakil Rakyat PAS, kerajaan PAS telah menguntukkan beberapa tanah untuk pemimpin-pemimpin PAS dan penyokong-penyokongnya tetapi ratio peruntukan tanah ini adalah lebih banyak orang yang bukan melayu yang mendapatnya daripada orang Melayu sungguh pun PAS berdegar-degar hendak membela orang-orang Melayu dan sungguh pun Negeri Kelantan mempunyai penduduk-penduduk hampir-hampir 90% orang-orang Melayu.

Tenggara Asia adalah satu-satunya kawasan di dunia ini yang masih terkebelakang dalam kemajuan dan pembangunan. Tenggara Asia juga adalah satu-satunya kawasan di dunia yang masih penuh dengan bahaya dan kesulitan-kesulitan walau pun dari luar atau dari dalam, yang mengancam ketenteraman di seluruh dunia. Sebagai sebuah negara yang kecil, yang berkewajipan untuk menentukan untung nasib rakyat di masa yang akan datang, Malaysia mestilah memandang jauh ke hadapan terkeluar daripada sempadannya tentang mencari jalan-jalan atau cara-cara menjamin kehidupan bukan sahaja diri kita sendiri bahkan seluruh Tenggara Asia.

Oleh itu semenjak Merdeka 1957, Malaysia telah menganuti dasar-dasar yang tertentu. Pertamanya untuk menimbulkan perhubungan yang baik dan karib dengan negara-negara jiran dan kedua untuk membina satu persahabatan dan kerjasama antara, terutama sekali, negara-negara di Tenggara Asia.

Dengan jalan ini perasaan saling mengerti antara sebuah negara akan lebih mendalam, dan kerjasama akan berkembang dalam apa sahaja lapangan untuk menjaminkan Tenggara Asia ini sebagai sebuah kawasan yang aman dan makmur, yang boleh berdiri atas kaki sendiri, dan yang boleh menentang segala ancaman dari luar. Kita negara-negara di Tenggara Asia ini mestilah faham bahawa untung nasib negara dan anak cucu kita pada masa hadapan terletak atas bahu kita sendiri dan atas kerjasama yang telah dicapai.

It has always been the Malaysian Government's policy to encourage co-operation particularly among countries of the region of South-East Asia. For this reason, Malaysia together with Thailand and the Philippines had established ASA in order to forge joint economic, social and cultural endeavours for the promotion of peace and stability, prosperity and progress in this part of the world. The progress of ASA in the past several years had been significant despite the interruption by Confrontation for about 3 years.

Malaysia also participated in other regional bodies such as the Colombo Plan and the ECAFE which has contributed to a considerable extent to the National Development Programme of the country.

Pada awal bulan Ogos ini satu Persidangan akan diadakan di Bangkok untuk menubuhkan satu rangka kerjasama Tenggara Asia yang baru yang mengandungi

ahli-ahli yang lebih besar. Lima negara akan mengambil bahagian iaitu Indonesia, Singapore, Thailand, Philipina dan Malaysia. Saya akan mewakili Malaysia dan akan berlepas ke Bangkok pada 4.8.67.

Since the last 2 years, Malaysia participated in ASPAC - the Asian and Pacific Council. We regard the getting together of countries with similar problems and similar background and the free and frank exchange of views which characterised the last two meetings of the Council are useful for the promotion of understanding of each others view point and for the growth of health and friendly relations among countries of the world. Whatever differences each country may have on any specific issue, it would be useful if there is a channel by which these differences could be expressed without fear or favour. It would go a long way in resolving most of the complexity of problems affecting the world today.

As regards the new organisation that is proposed to include Indonesia, Singapore, Malaysia, Thailand and the Philippines, Malaysia supports it wholeheartedly and hopes to participate in it actively consistent with our expressed views, always desirous to co-operate and live in harmony and friendship with all countries, especially with our closest neighbours - Thailand, Singapore and Indonesia. A meeting will be held in Bangkok in early August. I will represent Malaysia. In this first meeting, the new organisation will be launched and it is envisaged that its programme will be more down to earth and in concrete terms to promote social and economic progress of all member countries. This new organisation will parallel closely with ASA and it is conceivable that ASA may have to be merged or substituted for this wider body.

Adalah dijangka Pertubuhan baru ini - namanya belum ditetapkan - akan menghasilkan rancangan-rancangan kerjasama yang lebih luas dan tegas lagi dalam rencana dasar kita untuk membena negara kita dan Tenggara Asia sebagai satu gugusan negara-negara yang kuat dan mewah untuk menentang segala ancaman walau pun kemiskinan dalam negeri atau anasir-anasir yang buruk dari luar, dengan tidak bergantung kepada bantuan atau inspirasi asing.